

27/10/2000

Warga kota kunjungi tempat menarik

KUALA LUMPUR, Khamis - Beberapa tempat menarik sekitar ibu negara menjadi tumpuan warga kota dan penduduk berhampiran menghabiskan cuti Deepavali bersama keluarga, rakan dan saudara mara.

Tinjauan Berita Harian di beberapa tempat sekitar ibu negara, hari ini mendapati orang ramai, terutama warga kota keluar pusat beli-belah seperti KLCC dan Midvalley Megamall serta taman tema air seperti Sunway Lagoon dan Desa Water Park.

Selain itu, Muzium Negara, taman burung dan Zoo Negara turut menjadi pilihan. Malah, pusat perkelahan seperti di Ulu Yam, Gombak di sini dan Taman Bukit Jalil turut menjadi tumpuan.

Suri rumah, Aminah Syed Abdullah, 58, dari Klang yang menghabiskan cuti umum bersama keluarga di Ulu Yam berkata, kawasan itu menjadi pilihan untuk berkumpul bersama keluarga.

Katanya, walaupun agak jauh, beliau sekeluarga merasai kelainan di kawasan itu kerana sebelum ini, beliau sekeluarga kerap ke pantai Morib.

"Di Morib, pantai agak jauh jika dibandingkan suasana perkelahan di kawasan air terjun seperti di sini," katanya ketika ditemui, di sini, hari ini.

Abdul Hadi Abdul Rahman, 34, yang bekerja sendiri berkata, cuti sehari menyebabkan beliau memilih lokasi berhampiran untuk bersama keluarga.

Beliau berkata, oleh kerana kegiatan itu membabitkan saudara mara lain, kami memutuskan lokasi itu.

Di samping itu, tinjauan Berita Harian mendapati segelintir warga kota menghabiskan cuti hari ini dengan menikmati keindahan dan kehijauan alam semula jadi di beberapa taman seperti Taman Bukit Jalil.

Taman itu yang dibuka 15 Oktober lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun hanya dikunjungi penduduk setempat atau mereka yang melalui kawasan itu.

(END)